

Majlis Anugerah Teknologi Pendidikan Labuan 2016



27 Nov 2016 – Lebih daripada 50 anugerah daripada 23 kategori telah disampaikan dalam Majlis Anugerah Teknologi Pendidikan Labuan yang diadakan di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan, Sungai Lada baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Encik Raisin Saidin berkata, anugerah tersebut ialah sebagai pengiktirafan kepada hasil usaha, kesungguhan dan pencapaian terbaik yang ditunjukkan oleh pihak sekolah dalam bidang pusat sumber sekolah dan ICT.

“Setiap kategori anugerah telah dikenal pasti untuk diberi pengiktirafan, dimana kesemuanya melibatkan bagaimana teknologi pendidikan yang merangkumi pusat sumber sekolah dan peralatan ICT itu direka bentuk agar dapat digunakan atau dapat menyumbang kepada akses maklumat khususnya kepada murid sama ada di dalam bilik darjah mahu pun di luar bilik darjah,” katanya.

Antara anugerah yang diberikan ialah anugerah guru penyelaras bestari/ICT, anugerah guru perpustakaan dan media, anugerah guru data, anugerah juruteknik komputer, anugerah VLE, anugerah pusat sumber cemerlang, anugerah

pusat sumber pencapaian lima bintang, anugerah makmal komputer terbaik, anugerah laman web sekolah, anugerah pengurusan pusat akses sekolah terbaik, anugerah pembestarian sekolah dan anugerah pengurusan data sekolah.

Karnival Gempak PIBK 2016



26 Nov 2016 – Karnival Gempak PIBK 2016 yang julung-julung kalinya diadakan hasil gabungan Pemuafakatan YDP PIBG seluruh Labuan. Program seperti ini adalah bertepatan dengan anjakan ke 9 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu Bekerjasama Dengan Ibu Bapa, dan Komuniti secara meluas. Karnival ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Rozman bin Hj. Datu Isli, Ahli Parlimen P. 166 W.P. Labuan dan pelbagai acara menarik telah dirancang sepanjang karnival tersebut berlangsung antaranya ialah pertandingan bola sepak pantai, bola tumpar pantai, mewarna, teka bilangan biji kacang dan cabutan bertuah kepada pengunjung yang bertuah.